

# 'Saya bersyukur'

Oleh **ASLINDA NASIR**  
aslinda.nasir@mediamulia.com.my

**KEPRIHATINAN** kerajaan melaksanakan Bantuan Prihatin Elektrik (BPE) memberi kelegaan kepada salah seorang penggunaanya, Salmiah Sohed, 51, untuk menikmati bayaran bil yang lebih rendah, sekali gus mengurangkan beban ditanggung.

**SALMIAH SOHED**



Malah, Salmiah sangat bersyukur dengan pengurangan jumlah bil elektrik yang diberikan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Walaupun bayar RM40 untuk bil elektrik setiap bulan, tapi ia tetap beban kepada kami, mana nak cukup dengan pendapatan RM450 yang saya ada, dengan enam orang tanggungan kesemuanya.

"Tiga orang anak saya tak bekerja sebab Covid-19, yang bekerja hanya dua orang, tapi yang seorang itu cuma dapat setengah

gaji sahaja. Itu yang kita nak gunakan untuk bayar semua bil.


"Jadi, bila ada pengurangan kadar bayaran bil elektrik ini, saya sangat bersyukur," katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika ditemui di Pantai Dalam, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Salmiah merupakan ibu tunggal kepada lima orang anak dan menetap di kawasan berkenaan selama 10 tahun.

Hanya berbekalkan sumbangan insitituti Baitulmal sebanyak RM450 setiap bulan, beliau membayar komitmen setiap bulan menggunakan wang tersebut sahaja.

"Kebiasaannya saya akan membayar hampir RM40 untuk bil elektrik, tapi bila kita mendapat bil terbaharu tempoh PKP ini, bil melambung sampai lebih RM40.

"Saya berasa lega bila TNB memberi BPE kepada saya dan golongan B40 yang lain," ujarnya lagi.



## Mulanya marah, kini faham

**SAMA** seperti masyarakat B40 lain, seorang eksekutif swasta, Noorzila Mohd Tajuddin, 44, turut terkejut dengan kenaikan bil elektrik sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Namun setelah meneliti cara pengiraan dikeluarkan Tenaga Nasional Berhad (TNB), beliau akhirnya menerima hakikat bahawa Bantuan Prihatin Elektrik (BPE) sebenarnya mengurangkan beban pengguna.

"Siapa tak terkejut, waktu itu semua orang marah. Macam saya pun, anggaran bil setiap

bulan RM100 sahaja, sekali sampai RM200. Tapi lepas dikira balik, saya sebenarnya mendapat diskaun 15 peratus untuk tempoh PKP ini.

"Bermakna dari tempoh April hingga Jun, saya mendapat diskaun sehingga RM231, bermakna RM77 sebulan," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di Pantai Dalam Kuala Lumpur baru-baru ini.

Menerusi BPE, pengguna yang menggunakan elektrik melebihi 300kWj akan menerima potongan bil elektrik sebanyak RM231 iaitu RM77 sebulan untuk April



Mei dan Jun.

Mensyukuri perkara itu, Noorzila berkata, diskaun tersebut sangat membantu dia dan suaminya yang kini dalam keadaan hilang pendapatan sebanyak 40 peratus.

"Hakikatnya, pendapatan orang ramai selepas Covid-19 ini sangat menurun, tapi bila kita dapat bantuan sebegini, kita boleh menstabilkan balik kewangan kita.

"Daripada kita tergamam tengok nilai yang perlu dibayar, kita tahu ada juga bantuan TNB untuk kita, saya dah cukup bersyukur," katanya lagi.

Sementara itu, bekas pensyarah sebuah Maktab perguruan, Datuk George Joseph turut memuji tindakan proaktif TNB dalam mengurangkan beban rakyat.

"Saya dalam rumah semua ada lima orang, sebelum ini purata bil elektrik daripada RM180 ke RM220.

"Tapi bila waktu PKP naik sehingga RM400, selepas diskaun saya hanya membayar RM173 sahaja," ujarnya.



**NOORZILA MOHD TAJUDDIN**

### INFO Bantuan Prihatin Elektrik (BPE)

#### 1. Apakah BPE?

BPE adalah pakej bantuan tambahan diberikan oleh Kerajaan Malaysia bersama TNB kepada semua pelanggan domestik dalam bentuk manfaat penggunaan elektrik percuma sehingga RM77 sebulan, bersamaan penggunaan elektrik sehingga 300kWj pertama untuk tempoh 3 bulan pelaksanaan PKP.

Di samping itu, bagi pengguna domestik yang menggunakan elektrik antara 601 - 900kWj sebulan akan menikmati diskaun tambahan sebanyak 10% iaitu tambahan 8% daripada kadar diskaun sedia ada sebanyak 2% mulai bulan April 2020 hingga Disember 2020.

#### 2. Apakah perbezaan antara BPE dengan diskaun PRIHATIN?

Diskaun Prihatin diberikan kepada pelanggan bermula April 2020 sehingga Disember 2020, manakala BPE adalah bantuan tambahan yang diberikan secara sekali gus bagi meringankan beban kenaikan bil yang lebih tinggi sepanjang April 2020 hingga Jun 2020 yang dihadapi pelanggan.

#### 3. Siapakah yang layak menerima BPE?

Semua pelanggan domestik TNB akan menerima BPE yang jumlahnya akan dimasukkan secara sekali gus ke dalam bil Julai 2020.

#### 4. Bagaimanakah saya boleh menyemak kelayakan saya, ahli keluarga atau penyewa rumah untuk menerima BPE?

Pelanggan tidak perlu membuat semakan kelayakan kerana BPE akan diberikan secara automatik kepada semua pelanggan domestik.

#### 5. Saya adalah pelanggan Meter Pintar, adakah saya layak menerima BPE?

Semua pelanggan domestik akan menerima BPE ini, termasuklah pelanggan meter pintar.

#### 6. Adakah pelanggan komersial, perindustrian dan pertanian juga layak menerima BPE?

BPE ini hanya diberikan kepada pelanggan domestik TNB yang terkesan akibat bil elektrik yang lebih tinggi daripada kebiasaan pada bulan April 2020, Mei 2020 dan Jun 2020. Bagaimanapun, pelanggan komersial, perindustrian dan pertanian masih menikmati diskaun Prihatin dari April 2020 sehingga Disember 2020 yang telah diumumkan oleh kerajaan sebelum ini.

#### 7. Adakah saya perlu memohon untuk menerima BPE?

Pelanggan tidak perlu membuat sebarang permohonan untuk menikmati manfaat bantuan tambahan ini yang akan diberikan secara automatik.

#### 8. Mengapa BPE hanya mengambil kira bil April 2020 - Jun 2020?

TNB sedar bahawa sepanjang pelaksanaan PKP, berkemungkinan penggunaan elektrik adalah lebih tinggi daripada kebiasaan. Oleh itu, BPE diberikan secara sekali gus kepada semua pelanggan bagi membantu mengurangkan bebanan bil yang lebih tinggi.

#### 9. Mengapa bantuan ini tidak diberikan lebih awal semasa Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat atau Pakej Rangsangan Ekonomi dan hanya diberikan setelah saya menerima bil yang tinggi?

Pada awal permulaan PKP, diskaun Prihatin telah diberikan bermula April 2020 sehingga September 2020. Atas dasar keprihatinan Kerajaan Malaysia, BPE diberikan kepada para pelanggan yang terbeban dengan jumlah bil yang lebih tinggi dengan harapan dapat mengurangkan beban kewangan para pelanggan.

#### 10. Siapakah yang memberikan BPE, adakah TNB atau Kerajaan?

BPE merupakan bantuan tambahan oleh kerajaan Malaysia dengan kerjasama TNB yang bertujuan untuk meringankan beban para pelanggan yang terkesan akibat kenaikan bil elektrik yang lebih tinggi.

Sumber : <https://www.tnb.com.my/prihatin/bantuan-prihatin-elektrik/>